



**MOHAMAD YUSOF NOOR** (tengah) menyampaikan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Hubungan Antarabangsa kepada Surin Pitsuwan dalam majlis Konvokesyen UnisZA di Kuala Terengganu semalam. - BERNAMA

## Surin terima Ijazah Kehormat Doktor Hubungan Antarabangsa UniSZA

**KUALA TERENGGANU 22 Okt.** - Bekas Setiausaha Agung ASEAN, Tan Sri Dr. Surin Pitsuwan, 68, hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Hubungan Antarabangsa oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam Majlis Konvokesyen Kelapan universiti itu, dekat sini.

Penganugerahan tersebut adalah atas sumbangan dan ketokohan diplomat Muslim itu yang bukan sahaja disegani di negara kelahirannya, Thailand bahkan di peringkat antarabangsa.

Anugerah itu disampaikan oleh Pro-Canselor UniSZA, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor dalam majlis di Dewan Al-Mukhtafi Billah Shah, Kampus Gong Badak.

Yang hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom dan Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif.

Sebanyak 2,489 graduan UniSZA bakal menerima ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen yang bermula hari ini sehingga Isnin ini dengan 19 graduan adalah penerima ijazah doktor falsafah, 109

graduan sarjana, sarjana muda (1,315) dan diploma (1,046).

Daripada keseluruhan graduan pasca siswazah itu, seramai 82 penerima berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh dengan 78 orang merupakan graduan antarabangsa dari Indonesia, Nigeria, Mesir, Yaman dan Palestin.

Dalam majlis itu, graduan Fakulti Informatik dan Komputeran, Nuramalina Abd. Rahman, 24, serta Chan Jun Ling, 24, daripada Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Sidang pertama hari ini menyaksikan seramai 287 graduan daripada Fakulti Informatik dan Komputeran serta Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa menerima ijazah masing-masing.

Antara penerima anugerah terbaik setiap fakulti itu ialah Nur Farah Afifah Ahmad Sukri, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) serta Tan Hup Yiak (Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang).